

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program Kementerian yang dianjurkan di Sibu pada tahun 2018-2021 di Sibu. Senaraikan dana yang disalurkan ke pejabat belia dan sukan di Sibu untuk menganjurkan aktiviti pada tahun 2018-2019 mengikut tahun.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pejabat Belia dan Sukan Bahagian (PBSB) berperanan mendukung penyampaian perkhidmatan dan tindakan dasar-dasar kerajaan diperingkat kementerian untuk disampaikan ke peringkat akar umbi. Malah kefungsiannya diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan program dan aktiviti kepada golongan belia.

Pihak Kementerian terus merangka tindakan jangka masa pendek dan sederhana mengikut SOP semasa yang berkuatkuasa untuk diimplementasikan oleh PBSB dengan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan belia dan sukan di peringkat akar umbi agar hasrat kerajaan dalam mengetengahkan 'Keluarga Malaysia' dapat disepadukan dengan menggerakkan peranan PBSB di peringkat akar umbi.

Dari tahun 2018 sehingga Oktober 2021 sebanyak 21 program belia, sukan dan rakan muda telah dilaksanakan di Bahagian Sibu dengan penyertaan seramai 62,413 orang peserta manakala dana yang telah disalurkan bagi menganjurkan aktiviti bagi tahun 2018 berjumlah RM23,400.00 dan tahun 2019 berjumlah RM61,700.00. Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 318**SENARAI LENGKAP PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN BELIA, SUKAN DAN RAKAN MUDA
DI BAHAGIAN SIBU PADA TAHUN 2018 SEHINGGA 2021**

| BIL | PROGRAM | BIL PENYERTAAN | TARIKH PELAKSANAAN | TEMPAT | KOS |
|------------|--|---------------------------|-------------------------------|---|------------|
| 1. | PROGRAM Y-CAREER-BAKERY | 5 | 23 Hingga 27 April 2018 | TEA BAKERY | RM2,000.00 |
| 2 | PROGRAM AHLI PARLIMEN BELIA | 100 | 20 Julai 2018 | BAHAGIAN SIBU | RM3,000.00 |
| 3. | PROGRAM SINERGI BELIA | 550 | April 2018 | BAHAGIAN SIBU | RM7,000.00 |
| 4 | PROGRAM FIT MALAYSIA @COMMUNITY | 132 | 17 Hingga 19 November 2018 | DEWAN LEMBAGA KEMAJUAN ISLAM (LAKIS) SIBU | RM1,200.00 |
| 5. | LIGA SUKAN UNTUK SEMUA (LISUS) 1. 3 ON 3 BASKETBALL 2. BOLA JARING 3. FUTSAL LELAKI DAN WANITA 4. SEPAK TAKRAW | 1000 | Mac - April 2018 | DEWAN BASKETBALL SIBU STADIUM TUN AHMAD ZAIDI DEWAN SMK METHODIST STADIUM TERTUTUP KPSU, BUKIT LIMA DEWAN SEPAKTAKRAW, KPG. BANDONG | RM2,000.00 |
| 6. | HARI SUKAN NEGARA | 3500 | Oktober 2018 | BAHAGIAN SIBU | RM7,000.00 |
| 7. | PROGRAM FIT MALAYSIA @ COMMUNITY BAHAGIAN SIBU | 90 | Mac Hingga April 2018 | BAHAGIAN SIBU | RM1,200.00 |
| 8. | RAKAN MUDA KREATIF EXPLORACE | 51 | 27 April 2019 | SMK JALAN OYA, SIBU | RM2,600.00 |
| 9. | RAKAN MUDA RAMADHAN TADARUS AL- QURAN | 46 | 25 Mei 2019 | SURAU DARUL JANNAH, KPG BAHAGIA JAYA TEKU | RM900.00 |

SOALAN NO : 318

| BIL | PROGRAM | BIL PENYERTAAN | TARIKH PELAKSANAAN | TEMPAT | KOS |
|-----|--|----------------|-------------------------------|--|-------------|
| 10. | PROGRAM INSPIRASI ANAK MUDA (IAM) | 90 | 8 Ogos Hingga 31 Oktober 2019 | SEKOLAH TUNAS BAKTI, KUCHING SIBU SMK ROSLY DHOBY SMK METHODIST SMK NANGKA SMK BUKIT LIMA SMK JALAN OYA | RM10,000.00 |
| 11. | MAJLIS PERUNDINGAN BELIA BAHAGIAN, PERINGKAT BAHAGIAN SIBU | 41 | 5 April 2019 | DEWAN RTM, SIBU | RM3,000.00 |
| 12. | KURSUS KEPIMPINAN ORGANISASI TAHAP 1 | 40 | 13 Hingga 15 September 2019 | KEM BELIA KEMUYANG | RM11,250.00 |
| 13. | FIT MALAYSIA @COMMUNITY SETENGAH TAHUN PERTAMA | 321 | 6 Oktober 2019 | DEWAN LEMBAGA KEMAJUAN ISLAM (LAKIS) SIBU | RM1,200.00 |
| 14. | INSPIRE I-TALENT | 81 | 6 April 2019 | DEWAN MELAYU MELANAU BERSATU SIBU | RM8,000.00 |
| 15. | FIT MALAYSIA @COMMUNITY SETENGAH TAHUN KEDUA | 417 | 27 April 2019 | DEWAN SUARAH SIBU | RM1,250.00 |
| 16. | INSPIRE I-TRAIN | 50 | 5 Hingga 6 Oktober 2019 | STADIUM TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE | RM8,000.00 |
| 17. | BULAN SUKAN NEGARA | 30,682 | 19 Hingga 20 Oktober 2019 | PERKARANGAN STADIUM TERTUTUP BUKIT LIMA | RM15,000.00 |

SOALAN NO : 318

| BIL | PROGRAM | BIL PENYERTAAN | TARIKH PELAKSANAAN | TEMPAT | KOS |
|------------|---|---------------------------|--------------------------------|---|--------------|
| 18. | BADMINTON PERSAHABATAN WISMA PERSEKUTUAN BAHAGIAN SIBU | 30 | 30 Hingga 31 Oktober 2019 | PERFECT WIN, UTC SIBU | RM500.00 |
| 19. | SUKAN E-SPORT SEMPENA HARI MALAYSIA 2020 | 325 | 16 September 2020 | DEWAN SUARAH SIBU | RM10,000.00 |
| 20. | PROGRAM SUKARELAWAN BUKAN KESIHATAN MALAYSIA VACCINE SUPPORT VOLUNTEERS (MYVAC) DI BAWAH PROGRAM COVID-19 KEBANGSAAN (PICK) | 280 | 1 April Hingga 30 Ogos 2021 | PPV INDOOR STADIUM SIBU PPV DEWAN SERBAGUNA SIBUJAYA PPV DEWAN PEJABAT DAERAH KANOWIT PPV DEWAN SERBAGUNA SELANGAU | RM159,400.00 |
| 21 | HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT BAHAGIAN SIBU 2021 | 24,582 | 8 Hingga 10 Oktober 2021 | SECARA HIBRID / VIRTUAL | RM8,000.00 |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGKAL KEEMPAT, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bantuan yang ada untuk membantu golongan muda Bumiputera Sarawak untuk menceburi bidang perniagaan.

JAWAPAN

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensi-agensi seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Bank Rakyat dan TEKUN Nasional melaksanakan pelbagai jenis program berbentuk pembiayaan, bimbingan dan latihan, digitalisasi dan akses pasaran untuk membantu usahawan termasuk golongan belia di kalangan Bumiputera Sarawak.
2. Antara program di bawah agensi MEDAC yang boleh disertai oleh usahawan golongan muda dan bumiputera adalah seperti berikut:
 - (i) **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)** oleh SME Corp. Malaysia bertujuan untuk menggalakkan **golongan belia** menceburi bidang perniagaan melalui latihan keusahawanan berkaitan dengan asas perniagaan dan membentuk daya tahan serta jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri. Dari tahun 2020 sehingga 30 November 2021, sejumlah 185 belia bumiputera Sarawak telah mendapat manfaat daripada program TUBE ini dengan kos diluluskan berjumlah RM2.68 juta yang meliputi bantuan geran dan latihan;

- (ii) **Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)** oleh SME Corp. Malaysia bertujuan untuk **mewujud dan membangunkan PKS Bumiputera** yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik melalui bantuan bersepadu dengan pendekatan bimbingan termasuklah bagi memperkukuhkan teras perniagaan PKS, membina kapasiti

dan keupayaan, meningkatkan produktiviti serta memudahkan akses kepada pembiayaan. Dari tahun 2020 sehingga 30 November 2021, sejumlah 2 syarikat belia bumiputera Sarawak telah mendapat manfaat daripada program BEEP dengan geran keseluruhan diluluskan berjumlah RM0.16 juta;

- (iii) **Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME)** oleh SME Corp. Malaysia menyediakan pembangunan kapasiti melalui latihan dan bantuan kewangan berbentuk geran. Program ini turut memberikan bantuan teknikal dan sokongan kepada perusahaan mikro termasuk **bantuan awal bagi menubuhkan dan mengembangkan perniagaan** serta melatih komuniti inklusif bagi mendapatkan kemahiran baharu untuk menjana pendapatan melalui keusahawanan. Bagi tahun 2021 sehingga 30 November 2021, sejumlah 81 penerima manfaat Program BizME adalah dari Sarawak.

- (iv) **Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS)** dan **Program Profesional Muda Bumiputera (ProMuda)** oleh TEKUN Nasional bertujuan untuk membantu **golongan belia Bumiputera** untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Program ini menawarkan kemudahan pembiayaan sehingga RM100,000. Seramai 7 usahawan belia Sarawak telah diluluskan pembiayaan sebanyak RM0.465 juta dibawah PPUS. Manakala seramai 103 usahawan belia bumiputera Sarawak telah diluluskan pembiayaan sebanyak RM1.649 juta dibawah ProMuda; dan

- (v) **Be Your Own Boss (BYOB)** oleh Pernas adalah inisiatif bagi menyediakan program keusahawanan yang holistik dan berdaya saing. Ianya mensasarkan **golongan belia** yang ingin menceburi bidang keusahawanan terutamanya dalam perniagaan francais dan pra-francais. Peserta projek BYOB akan berpeluang mengikuti latihan yang berstruktur, padanan perniagaan, bantuan pembiayaan dan diberi pemantauan selama 6 bulan apabila memulakan perniagaan. Bagi tahun 2021 seramai 3 usahawan belia di Sarawak telah diluluskan pembiayaan berjumlah RM1.188 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah justifikasi Kementerian dalam kegagalannya untuk memberi peranti digital kepada SJKT di kawasan Parlimen Labis walaupun kebanyakan murid-murid SJKT tersebut adalah dari golongan B40. Kenapa murid-murid SJKT di Kawasan Parlimen Labis terpinggir dalam program Inisiatif Tabung CERDIK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Tabung CERDIK yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Tabung CERDIK merupakan satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital dan pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti digital berkenaan ke pejabat pendidikan daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Semua 150,000 peranti digital di bawah inisiatif ini telah selesai diagihkan kepada murid B40 terpilih pada

29 Oktober 2021.

Penentuan bilangan peranti digital yang diagihkan kepada murid B40 dan pemilihan sekolah adalah berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

- i) murid B40 yang dikenal pasti di sekolah bawah KPM;
- ii) senarai sekolah rendah dan sekolah menengah disusun mengikut kedudukan bilangan murid B40 tertinggi bagi kohort Tahun Empat dan Tingkatan Tiga di setiap PPD;
- iii) pemilihan sekolah di setiap PPD dibuat dengan mengambil kira keseimbangan lokasi sekolah di kawasan bandar dan luar bandar serta mempunyai kemudahan capaian Internet dan bekalan elektrik di kawasan sekitarnya; dan
- iv) setiap murid B40 dalam kohort Tahun Empat di sekolah rendah dan kohort Tingkatan Tiga di sekolah menengah yang terpilih akan menerima peranti digital Tabung CERDIK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan peranti digital dibuat berdasarkan sekolah yang memenuhi kriteria di setiap PPD. Bagi Parlimen Labis, enam buah sekolah menepati kriteria mengikut susunan keutamaan seperti yang ditetapkan.